

Bil. S 75

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGGAJAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(PINDAAN JADUAL PERTAMA), 2004**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**Peraturan**

1. Gelaran.
  2. Pindaan Jadual Pertama kepada Penggal 68.
-

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(PINDAAN JADUAL PERTAMA), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (2) bab 24 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

**Gelaran.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Pindaan Jadual Pertama), 2004.

**Pindaan Jadual Pertama kepada Penggal 68.**

2. Jadual Pertama kepada Akta Lalulintas Jalan Raya adalah dipinda dengan memansuhkan Bahagian 1. Arahan Had Laju dan menggantikannya dengan yang berikut —

**"1. Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Arahan Had Laju)**

**Gelaran.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Arahan Had Laju).

**Tafsiran.**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini —

"kenderaan bersendi" bermakna sesebuah kenderaan bermotor yang menarik kenderaan lain dengan cara bahagian kenderaan lain itu ditindih pada kenderaan bermotor yang mula-mula disebutkan dan apabila kenderaan lain itu dimuati dengan sama rata, tidak kurang dari 20 peratus dari berat muatannya ditanggung oleh kenderaan bermotor yang mula-mula disebutkan;

"kawasan had laju" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Kawasan Had Laju);

"berat kasar maksimum yang dibenarkan" bermakna berat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah sebagai berat kasar yang sesuai untuk sesebuah kenderaan tertentu yang menggunakan jalan raya;

"tayar pneumatik" bermakna suatu tayar yang mematuhi semua kehendak yang berikut —

- (a) tayar itu hendaklah disediakan dengan, atau hendaklah menyediakan roda yang dipasang dengan, chamber tertutup berterusan yang dipam pada sesuatu tekanan yang pada keseluruhannya melebihi tekanan atmosfera apabila tayar itu dalam keadaan yang lazimnya digunakan, tetapi tidak tertakluk kepada sebarang beban;
- (b) tayar itu boleh dipam dan dikempiskan tanpa membukanya dari roda atau kenderaan;
- (c) apabila tayar itu dikempiskan dan tertakluk kepada beban biasa, sisi tayar itu akan kuncup;

"arahan had laju" bermakna arahan had laju yang disebut dalam peraturan 3.

**Arahan had laju.**

3. Arahan had laju yang dinyatakan dalam ruang kedua dan ketiga Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini bagi kelas atau jenis kenderaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual hendaklah dipakai di Brunei Darussalam dan hendaklah dicetak pada suatu plat yang dipasang di sudut belakang kenderaan tersebut.

**Kenderaan bermotor tidak boleh dipandu melebihi arahan had laju.**

4. Walaupun terdapat sebarang had laju ditetapkan bagi mana-mana jalan raya di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain, kenderaan bermotor yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini tidaklah boleh dipandu di atas mana-mana jalan raya pada suatu kelajuan yang melebihi dari arahan had laju berkenaan dengannya.

## JADUAL

| Kelas atau jenis kenderaan                                                                      | Kelajuan maksimum di dalam kawasan had laju (kilometer sejam) | Kelajuan maksimum di luar kawasan had laju (kilometer sejam) |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| Kenderaan bermotor yang dipasang dengan tayar pneumatik —                                       |                                                               |                                                              |
| (a) treler penarik tidak termasuk motosikal                                                     | 60                                                            | 75                                                           |
| (b) kenderaan perkhidmatan awam —                                                               |                                                               |                                                              |
| (i) bukan treler penarik                                                                        | 60                                                            | 80                                                           |
| (ii) treler penarik                                                                             | 60                                                            | 75                                                           |
| (c) kenderaan perkhidmatan barangan                                                             |                                                               |                                                              |
| (i) bukan treler penarik dan berat kasar maksimum yang dibenarkan tidak melebihi 7,500 kilogram | 60                                                            | 80                                                           |
| (ii) bukan treler penarik dan berat kasar maksimum yang dibenarkan melebihi 7,500 kilogram      | 60                                                            | 75                                                           |
| (iii) treler penarik                                                                            | 60                                                            | 75                                                           |
| (iv) kenderaan bersendi                                                                         | 60                                                            | 75                                                           |
| (d) kenderaan berat                                                                             | 60                                                            | 75".                                                         |

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 13 haribulan Oktober, 2004.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN  
 DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN  
 DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN  
 Menteri Perhubungan,  
 Negara Brunei Darussalam.